

Headline	<b>Shaklee lancar Kempen Alam Sekitar</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>06. May 2009</b>	Page No	<b>10</b>
Media Title	<b>Mingguan Wanita</b>	Article Size	<b>220 cm2</b>
Section	<b>NEWS</b>	Frequency	<b>Weekly</b>
Circulation	<b>138978</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>320000</b>	AdValue	<b>1906.41</b>



# Shaklee lancar kempen alam sekitar

Kempen 'A Million Trees. A Million Dreams™' telah dilancarkan oleh Shaklee di Taman Botani Kepong baru-baru bertujuan meringkatkan kesedaran masyarakat Malaysia tentang pemanasan global serta menggalakkan masyarakat untuk menanam pokok bagi memelihara alam semula jadi.

Kempen tersebut telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr. Abdul Latif Mohmod, Ketua

Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) bagi pihak YBhg Dato' Dr. Zoih Azha Yusof, Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia.

Kempen ini adalah kesinambungan usaha global Shaklee Corporation yang telah dilancarkan di Amerika Syarikat pada tahun 2006 lalu. Kempen ini telah diinspirasikan oleh usaha pemenang Anugerah 'Nobel Prize'



2004, Dr Wangari Maathai melalui aktiviti 'Green Belt Movement'.

Menurut Roger Barnett, Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Shaklee Corporation, ini adalah sumbangan besar Shaklee kepada bumi mahupun kepada kehidupan manusia. Shaklee Malaysia juga merancang untuk mengadakan lebih banyak aktiviti penanaman pokok pada masa hadapan dan sebagai menyokong hari-hari alam sekitar seperti Hari Bumi dan Hari Alam Sekitar Sedunia.

Pada majlis tersebut, Barnett dan YBhg Dato' Dr. Abdul Latif Mohmod serta pemimpin-pimpinan perniagaan Shaklee Malaysia telah menanam anak-anak pokok sebagai simbol bermulanya kempen tersebut di Malaysia. Majlis juga turut dihadiri oleh Bradford Richardson, Presiden Shaklee International dan Victor Lim, Pengurus Besar Shaklee Malaysia.



Pemimpin-pimpinan perniagaan Shaklee Malaysia bersama tetamu bergambar kenangan.